

Peranan Guru Bungan Dalam Melaksanakan Ritual Ngayo

Emalisa Telun Domian dan Dr Nur Qasdina Jeeta Abdullah

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Universiti Malaysia Sarawak

Corresponding Author: bjsitarih@unimas.my

ABSTRAK

Kampung Long Amo turut dikenali sebagai Uma Kayan Long Amo oleh penduduk setempat merupakan sebuah perkampungan masyarakat Kayan yang terletak di Belaga, Sarawak. Sebahagian daripada penduduk kampung ini masih lagi mengamalkan adat tradisi masyarakat Kayan iaitu adat Bungan yang kini telah diangkat sebagai agama oleh para penganutnya. Dalam adat agama Bungan, terdapat sebuah ritual yang mempunyai kepentingan tersendiri untuk masyarakat Kayan iaitu ritual Ngayo. Perlaksanaan yang khusus menunjukkan kepentingan dan kedudukan ritual ini dalam masyarakat Kayan. Ritual ini dipimpin oleh individu yang dipanggil sebagai Guru Bungan. Guru Bungan juga memainkan peranan penting dalam setiap upacara adat agama Bungan yang lain. Artikel ini bertujuan menerangkan peranan Guru Bungan dalam pelaksanaan ritual Ngayo. Untuk itu, satu kajian asas dirangka dengan menggunakan kaedah kualitatif untuk memperoleh data. Memandangkan jurang ilmu yang agak ketara dalam subjek ini, maka temu bual dipilih sebagai kaedah utama untuk perolehan data. Individu yang bertanggungjawab sebagai Guru Bungan dan beberapa penduduk kampung yang pakar mengenai adat ini dipilih sebagai informan. Dapatkan kajian mendapati Guru Bungan menggalas tanggungjawab yang tinggi dalam adat tradisi masyarakat Kayan. Guru Bungan antara individu yang wajib ada dalam hampir kesemua kitaran upacara ritual Ngayo. Fungsi Guru Bungan dalam ritual Ngayo tersebut adalah sebagai ketua upacara ritual yang memberi arahan dan peringatan untuk memastikan setiap kelengkapan dan keperluan dalam melaksanakan ritual itu dilakukan dengan betul. Selain itu, Guru Bungan juga bertindak sebagai perantara untuk adat agama Bungan dan penganutnya.

Katakunci: Belaga, Guru Bungan, Ngayo, Kayan, Ritual.

ABSTRACT

According to local residents, the Long Amo village, also known as Uma Kayan Long Amo is a Kayan village located in Belaga, Sarawak. Some of the residents of this village still practice the traditional customs of the Kayan community, the Bungan customs, which have now been adopted as a religion by its devotees. In the religious customs of Bungan, there is a ritual that has its own significance for the Kayan community, which is the Ngayo ritual. The specific implementation of this ritual shows its significance and position within the Kayan community. This ritual is led by an individual called Guru Bungan. The Guru Bungan also plays an important role in every other Bungan religious ritual. This article aims to explain the role of Guru Bungan in performing Ngayo ritual. A fundamental study was designed using qualitative methods to obtain data of this study. Given the significant knowledge gap on this topic, interviews were selected as the main method for data collection. The informants interviewed are Guru Bungan and selected villagers who are experts in this ritual. The findings of this study indicates that Guru Bungan bears a high responsibility in the traditional customs of the Kayan community. Guru Bungan is one of the individuals who must be present in almost all the cycles of Ngayo ritual ceremonies.

The function of Guru Bungan in the Ngayo ritual is as the leader of the ritual ceremony who gives numerous instructions and reminders to ensure that every equipment and requirement in performing the ritual is done correctly. In addition, Guru Bungan also acts as an intermediary for Bungan religious customs and its followers.

Keywords: Belaga, Guru Bungan, Ngayo, Kayan, Ritual.

PENGENALAN

Masyarakat Kayan merupakan sub-etnik kepada etnik Orang Ulu yang tersenarai bersama dengan masyarakat Kenyah, Kelabit, Kajang, Murut, Penan, Sihan, Punan dan lain-lain pada tahun 2015 (Wan, Renganathan and Philip, 2015). Berdasarkan Rousseau (1990), penempatan asal masyarakat ini terletak di Hulu Kayan yang turut dikenali sebagai Apo Kayan atau Apau Kayan. Namun, pada 18-19th masyarakat Kayan mula berhijrah keluar dari tanah air mereka (Apo Kayan) dan berhijrah ke beberapa kawasan di Balui dan Belaga Sarawak iaitu salah satu bahagian di Borneo (Wan, Renganathan and Philip, 2015). Oleh kerana banyak melakukan penghijrahan, kebanyakan perkampungan etnik Kayan kini boleh ditemui di bahagian Miri, Kapit, dan Bintulu. Salah satu kesan daripada penghijrahan tersebut, etnik Kayan dibahagikan kepada tiga kumpulan lagi: Kayan Baram, yang tinggal di Miri; Kayan Belaga, yang tinggal di pedalaman Kapit; dan akhirnya, Kayan Tubau, yang tinggal di Bintulu. Sejak awal penghijrahan, masyarakat ini lebih memilih untuk menetap di tepi perairan sungai disebabkan kemudahan akses harian seperti pengangkutan, sumber rezeki dan juga pertanian (Bato,2007). Semenjak itu, masyarakat Kayan mula hidup sebagai satu komuniti di satu lokasi dan mendirikan rumah panjang serta meletakkan nama berdasarkan lokasi kediaman baru mereka. Manakala, berdasarkan data yang diperoleh oleh Pejabat Daerah Belaga pada tahun 2020, terdapat 15 buah perkampungan masyarakat Kayan di Belaga termasuk Sungai Asap. Sungai Asap merupakan salah satu kawasan yang termasuk dalam Daerah Belaga cuma ianya mengambil masa selama dua jam perjalanan untuk sampai ke kawasan pekan Belaga. Di kawasan Pekan Belaga, hanya terdapat empat buah perkampungan iaitu Kampung Melayu Belaga, Kampung Hijrah, Kampung Datah Layang dan Kampung Long Amo. Kampung Hijrah merupakan penempatan baru masyarakat Melayu di Belaga, Kampung Datah Layang pula merupakan perkampungan campuran masyarakat di Belaga dan Kampung Long Amo merupakan satu-satunya perkampungan kaum Kayan yang berada di pekan Belaga.



Rajah 1: Penempatan Baru kampung Long Amo Selepas Berpindah. (Laman Facebook Long Amo Belaga)

Rajah 1 menunjukkan Kampung Long Amo yang dikenali sebagai Uma Kayan Long Amo oleh masyarakat setempat. Sebahagian daripada penduduknya masih mengamalkan adat tradisi kaum Kayan dan sebahagian lagi memeluk agama Kristian. Berdasarkan Maren Uma iaitu gelaran untuk Ketua Kampung kampung tersebut, Lato Juman individu berumur 87 tahun yang mewarisi peranan Maren Uma kampung tersebut kini menceritakan ianya mula didirikan oleh Maren Uma yang sebelum ini sekitar tahun 1960 dan perkara ini menunjukkan bahawa perkampungan masyarakat Kayan di Long Amo ini merupakan perkampungan yang baru-baru didirikan jika dibandingkan dengan perkampungan masyarakat Kayan yang lain. Berdasarkan penulisan Rousseau (1974,1990, 1999), kampung ini suatu ketika dahulu dinamakan sempena nama Maren Uma yang mendirikannya iaitu Uma Balo Kesing, namun Lato Juman (2022) menyatakan oleh kerana penduduk sekitarnya seperti masyarakat Sekapan seringkali memanggil kampung itu Ba Lo'o, masyarakat lain menyebut Leng yang bermaksud 'di dalam' dan orang asing sering menyebut Leng tersebut sebagai Long. Maka nama kampung itu diubah menjadi Long Amo, Amo diambil sempena nama sungai iaitu Sungai Amo yang merupakan sebuah sungai kecil yang bergabung dengan perairan Sungai Balui atau Sungai Rejang, sungai ini merupakan sebuah cawangan sungai kecil yang mengalir dekat dengan kampung tersebut. Struktur masyarakat kampung ini adalah ringkas sama seperti masyarakat Kayan yang lain, mereka mempunyai kelas tersendiri seperti golongan Maren (Kelas Atasan) Pingin (Kelas Tengah) dan Dipen (Kelas Bawahan). Mereka juga mempunyai adat agama sama seperti masyarakat Kayan yang lain kerana suatu ketika dahulu masyarakat Kayan tidak terdedah dengan agama dan mereka mengamalkan upacara pemujaan sebagai agama mereka (Bato, 2007). Oleh itu, mereka tidak mempunyai agama sehinggalah Jok Apui datang membawa adat agama Bungan sekitar tahun 1948/1949 (Lake Baling, 2002).

Bungan adalah sebuah adat tradisi etnik Orang Ulu terutamanya masyarakat Kayan, yang diangkat menjadi agama mereka pada tahun 1949 (Rousseau,1990). Bungan merupakan sebuah adat yang diwariskan oleh dewi yang dikenali sebagai Doh Tenangan kepada Jok Apui melalui mimpinya pada tahun 1940, kemudian disebarluaskan kepada masyarakat Kayan yang lain pada tahun 1948 (Baling, 2002). Namun begitu, dalam penulisan Rousseau (1974) pula menjelaskan bahawa Jok Apui mendapat mimpi itu sekitar tahun 1947 dan adat ini dihebahkan pada tahun 1950. Seterusnya, White (1967) pula menyatakan adat ini merupakan satu adat kepercayaan animisme yang memastikan kesuburan tanaman dan kesejahteraan masyarakat penganutnya kemudian turut menjelaskan bahawa adat ini sudah ada sedari tahun 1946. Berdasarkan kenyataan dalam penulisan-penulisan berikut, adat Bungan sememangnya sudah ada sejak awal tahun 1940 dan mula dihebahkan sehingga ke kawasan Belaga sekitar tahun 1949. Berdasarkan temu bual pula, Lato Juman (2022) menyatakan adat ini mula disebarluaskan sekitar tahun 1948. Maka, garis masa kedatangan adat agama Bungan ini tidak jelas kerana ianya mempunyai variasi jenis penceritaan. Adat Bungan ini mempunyai banyak kepercayaan dan ritual untuk membuang taboos, nasib buruk dan sial (Rousseau, 1989). Kepercayaan dan ritual-ritual yang terdapat dalam adat ini dipanggil sebagai dayong oleh masyarakat Kayan. Lazimnya, fungsi ritual-ritual dalam adat ini kebanyakannya untuk meminta perlindungan, murah rezeki, minta berkat, buang sial dan sebagainya. Namun, di antara kebanyakan ritual dalam adat ini terdapat sebuah ritual yang wajib dilakukan setiap kali mereka menyambut perayaan untuk adat agama Bungan ini. Ritual ini dipanggil sebagai ritual Ngayo yang bermaksud 'memenggal kepala' atau 'penggal kepala' di dalam bahasa Kayan.

Ngayo merupakan sebuah ritual yang hanya diikuti oleh kaum lelaki sahaja (Jawing Bato, 2022). Hal ini kerana, Ngayo juga dikenali sebagai aktiviti penggal kepala atau keluar berperang pada suatu ketika dahulu sebelum masyarakat Kayan menghentikan gejala memenggal kepala. Selain itu, ritual ini turut dikatakan sebagai acara penutup kepada semua adat yang terdapat dalam Bungan dan memastikan kehidupan yang baik dan subur (Uyo, 1989). Berdasarkan hasil temu bual bersama Lato Juman, Domian Ding dan Jawing Bato kesemua mereka menyatakan ritual ini harus dijalankan kerana ianya untuk memastikan kelangsungan kehidupan masyarakat di kampung tersebut. Selain itu, ritual Ngayo ini

hanya boleh diikuti oleh kaum lelaki sahaja kerana ianya sebuah ritual untuk para lelaki kembali dari ‘peperangan’. Hal ini kerana, suatu ketika dahulu, ritual ini memerlukan kepala manusia yang baru dipenggal untuk dijadikan sebagai ‘pengeras’ untuk melindungi kampung (Rousseau, 1974). Oleh sebab itu, golongan wanita tidak dibenarkan mengikuti upacara ini. Selain itu, fungsi utama ritual ini adalah untuk membuang sial dan menyembuhkan penyakit terutamanya kepada individu yang melanggar pantang larang (Rousseau, 1999). Merujuk kepada penulisan Rousseau (1999), sebelum ini sesiapa sahaja boleh mengetuai ritual ini, di mana setiap lelaki yang mengikuti ritual ini boleh berhubung dengan Doh Tenangan. Namun, selepas beberapa ketika, Lato Juman (2022) menyatakan bahawa mereka memilih untuk menjadikan Guru Bungan untuk mengetuai ritual ini agar ianya lebih teratur dan elok di pandangan Doh Tenangan. Tambahan pula, Guru Bungan merupakan wakil yang dipilih oleh Doh Tenangan sendiri.

Guru Bungan merupakan seorang individu yang menjadi ketua dan perantaraan pengikut adat agama Bungan dengan Doh Tenangan. Guru Bungan merupakan seorang individu yang berpengalaman dalam adat dan setiap upacara ritual dalam adat Bungan ini. Pada awalnya, sesiapa saja boleh menjadi Guru Bungan tanpa perlu menunggu panggilan supernatural melalui mimpi seperti tradisi Guru Bungan. Namun, kemudian Guru Bungan yang merupakan paderi agama Bungan ini berjaya menegaskan kembali peranan mereka setelah mereka merasakan bahawa dengan menjadikan sesiapa sahaja menjadi Guru Bungan, adat ini akan hilang keberkesanannya (Rousseau, 1998). Oleh sebab itu, mereka memutuskan untuk mengembalikan kuasa Guru Bungan kepada individu yang layak sahaja. Malah, Lato Juman Maren Uma yang turut berkhidmat sebagai Guru Bungan lebih dari 60 tahun di kampung Long Amo menyatakan bahawa seorang Guru Bungan bukan dipilih sembarangan kerana mereka haruslah mempunyai komitmen yang tinggi dalam mendalami adat agama Bungan, ikhlas menyebarkan dan memberi pengetahuan tentang adat ini dan boleh diterima dengan baik oleh Doh Tenangan. Hal ini kerana, apabila mereka menjadi Guru Bungan, mereka akan diturunkan dayong atau kemampuan oleh Doh Tenangan untuk membolehkan mereka mendapat petunjuk dari Doh Tenangan dan mampu menyampaikan pesanan dari kedua belah pihak. Malah setiap Guru Bungan akan diberi satu parang, dua talam dan dua mangkuk beras sebagai penghargaan mereka menjadi Guru Bungan.

Domian Ding, merupakan Guru Bungan yang kedua kampung Long Amo,dipilih menjadi Guru Bungan 40 tahun yang lalu dan telah berkhidmat sebagai Guru Bungan sehingga kini. Beliau berkongsi kisah bagaimana beliau dipilih menjadi Guru Bungan, beliau seringkali mendapat mimpi ngeri dan tidak tenang tidur sehingga jatuh sakit. Kemudian, Akek Bayong, seorang Guru Bungan dari Uma Aging memberitahu bahawa beliau dipilih oleh Doh Tenangan menjadi perantaranya yang seterusnya. Berdasarkan itu, jelas menunjukkan kedudukan seorang Guru Bungan dalam masyarakat Kayan ini bukannya boleh dipegang oleh sesiapa sahaja melainkan mereka individu yang terpilih. Ini kerana, apabila menjadi Guru Bungan mereka akan sentiasa dipanggil oleh mana-mana kampung yang tidak mempunyai Guru Bungan dan mereka harus tahu lebih mendalam tentang adat ini agar tidak disalah anggap oleh orang lain (Ding, 2022). Tambahan pula, Guru Bungan memainkan peranan penting dalam setiap sudut proses dalam adat Bungan terutamanya dalam menjalankan persesembahan ritual Ngayo. Sehubungan dengan itu, artikel ini akan menghuraikan peranan Guru Bungan dalam pelaksanakan ritual Ngayo di Kampung Long Amo, perkampungan Kayan di Belaga.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat pelbagai jenis kajian berkaitan dengan ritual dan kepercayaan berdasarkan etnik tertentu (Ugih Echoh, Abdul Gapor and Abdul Rahman, 2020). Namun begitu, etnik Orang Ulu tidak terlalu menonjol dalam perkara ini dan dipercayai etnik ini cenderung untuk melupakan tradisi lama mereka apabila mereka memeluk agama Kristian (Lake' Baling, 2002). Pendokumentasian ilmiah mengenai tradisi lama masyarakat Kayan amat terhad. Namun begitu, terdapat beberapa korpus ilmu yang cuba untuk mengangkat masyarakat Kayan dan Kenyah sebagai subjek utama kajian namun dari segi aspek alatan muzik, kraf tangan, seni ukiran Orang Ulu, seni ‘tattoo’, status sosial, perubahan sosiobudaya dan adat berkahwin atau kematian. Setakat ini, jurang ilmu masih ketara dalam pengdokumentasian berkaitan adat tradisi dalam masyarakat ini.

Walaupun pengdokumentasian secara ilmiah tentang adat lama masyarakat Kayan terhad, terdapat penulisan kajian lepas dan buku oleh Jerome Rousseau (1974,1989,1999) yang banyak membincangkan adat kepercayaan lama masyarakat Kayan ini dan turut membincangkan serba sedikit kemunculan dan kepentingan Guru Bungan dalam adat ini. Guru Bungan individu yang mengambil telur dan meletakkannya ke atas sebuah parang dan berdoa untuk penduduk yang lain. Guru Bungan ialah seorang yang betul-betul mendalami adat ini memandangkan mereka memerlukan seseorang untuk mengetuai upacara, menyampaikan doa, melaksanakan upacara dan mengajar orang baru dalam adat ini. Guru Bungan juga dipanggil sebagai ‘guru meju’ atau ‘dayong’ dan pakar ‘dayong’ ini hanya terpilih bila didatangi apa-apa jenis ‘semangat’ melalui mimpi mereka. Kajian Jerome Rousseau (1974,1989,1999) tertumpu di sebuah kampung di kawasan Sungai Asap iaitu Uma Bawang yang membuat penelitian sosial dan kehidupan masyarakat kampung tersebut sekaligus membincangkan tentang adat kepercayaan penduduk kampung tersebut iaitu adat agama Bungan. Artikel ini sebaliknya meneliti peranan Guru Bungan dalam melaksana salah satu upacara ritual dalam adat agama Bungan tersebut. Penulisan Jerome Rousseau dan artikel ini berbeza daripada segi skop kajian. Namun begitu, kedua-dua penulisan ini menyumbang kepada korpus ilmu budaya material secara umum yang menyentuh tentang adat tradisi dalam kalangan masyarakat Orang Ulu terutamanya bangsa Kayan.

METODOLOGI KAJIAN

Jurang ilmu yang agak ketara tentang masyarakat Kayan secara umum dan peranan Guru Bungan dalam kaum ini secara khusus adalah faktor utama kajian jenis fundamental atau asas dipilih untuk memperoleh data dan menjawab objektif kajian ini. Kaedah kualitatif dengan kajian lapangan serta kaedah temu bual dirangka sebagai reka bentuk kajian bagi memperoleh data daripada sumber primer. Rakaman audio diambil sewaktu sesi temu bual. Rakaman audio temu bual ini ditranskripsikan dan dianalisis bagi memperjelaskan secara terperinci peranan Guru Bungan dalam menjalankan proses persembahan ritual Ngayo dalam adat agama Bungan di Uma Kayan Long Amo. Kajian lapangan telah dilaksanakan di Long Amo, Belaga selama tiga hari iaitu dari 30 Mei sehingga 1 Jun 2022. Perjalanan ke Belaga mengambi masa selama lima jam dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda dari Bintulu. Hanya kampung Long Amo yang sebahagian daripada penduduknya masih menjalankan adat agama Bungan ini di kawasan Belaga (Lato Juman, 2022). Terdapat juga beberapa kampung di sepanjang perairan Sungai Rejang seperti kaum Punan yang meraikan adat agama ini dan satu keluarga yang masih mengamalkan adat Bungan di Uma Aging. Namun begitu, penulisan ini hanya memberi penumpuan terhadap kampung Long Amo sahaja.

Sepanjang kajian lapangan, pengkaji telah memberi maklum awal penduduk di kampung itu tentang kajian yang ingin pengkaji lakukan dan bertanya sekiranya mereka tidak mempunyai masalah dalam berkongsi maklumat untuk tujuan kajian pengkaji. Kajian lapangan ini dilakukan agar pengkaji dapat memerhati dan memahami dinamik sosial penduduk kampung, adat, adab dan cara perlaksanaan budaya adat agama Bungan ini secara langsung. Pengkaji juga telah merakam gambar dan video sepanjang

melaksanakan kajian lapangan; antaranya peralatan untuk ritual, aktiviti penduduk sewaktu persediaan untuk ritual, pakaian yang digunakan dan suasana rumah panjang sewaktu sambutan perayaan adat agama Bungan tersebut.

Data bagi menjawab persoalan kajian ini telah diperoleh melalui temu bual. Informan utama bagi temu bual adalah Maren Uma iaitu Ketua Kampung Long Amo yang juga merupakan Guru Bungan kampung tersebut, Lato Juman. Selain Maren Uma, tiga orang penduduk kampung yang tahu akan adat agama Bungan ini juga dipilih. Tiga penduduk ini terdiri daripada Domian Ding, Guru Bungan kedua kampung Long Amo; Jawing Bato bekas Guru Bungan kampung tersebut dan Gumeh Luhat, penduduk kampung yang telah lama mengikuti adat agama Bungan. Proses temu bual dilakukan di rumah informan masing-masing. Pengkaji memaklumkan para informan sehari sebelum melakukan sesi temu bual, meminta persetujuan dan mengikut waktu terluang mereka. Penduduk kampung Long Amo sangat patuh dan memberi kerjasama dengan pengkaji semasa melakukan temu bual. Pengkaji menggunakan bahasa Kayan memandangkan pengkaji sendiri berbangsa Kayan bagi memudahkan mereka memahami soalan dari pengkaji dan melancarkan proses komunikasi sewaktu sesi temu bual bersama informan. Seterusnya, pengkaji juga membuat sebuah gambar rajah pembahagian upacara adat agama Bungan ini agar dapat memudahkan pemahaman konsep penyediaan pelaksanaan ritual Ngayo ini dan memahami lebih lanjut hasil daripada sesi temu bual bersama informan.

DAPATAN KAJIAN

Artikel ini memperincikan peranan Guru Bungan dalam ritual Ngayo di kampung Long Amo, Belaga. Justeru, peranan Guru Bungan akan dibincangkan dalam proses persediaan persembahan ritual ini. Kepentingan Guru Bungan sebagai ketua agama dan perantara di antara penganut adat agama Bungan dan dewi mereka iaitu Doh Tenangan akan turut dibincangkan. Sehubungan itu, peranan dan kepentingan Guru Bungan dimulakan dengan pemahaman pecahan proses kearah persembahan ritual Ngayo tersebut, diikuti peranan Guru Bungan semasa hari persembahan ritual Ngayo dan selepas selesai ritual Ngayo. Di sini, pengkaji akan menghuraikan tugas-tugas yang dilakukan oleh Guru Bungan dan peranannya di setiap kitaran proses persembahan ritual Ngayo dalam bentuk kronologi. Kemudian, pengkaji akan membuat jadual ringkasan menunjukkan peranan Guru Bungan sepanjang upacara ritual adat agama Bungan ini.

UPACARA ADAT AGAMA BUNGAN

The presence of the jungle path from the Krokong Road to the bridge proved that the villagers were still using it, so it followed that more information should be available in Kpg Seropak. So, one day in December 2007, we headed out to meet the headman of Kpg Seropak.




Rajah 2: Rumusan Konsep Upacara Adat Agama Bungan

Rajah 2 menunjukkan ringkasan kepada konsep upacara agama masyarakat Kayan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Bungan merupakan sebuah adat yang diangkat menjadi sebuah agama. Rousseau (1974) menyatakan adat bersamaan dengan peraturan atau adat atau agama. Oleh kerana pada waktu itu masyarakat Kayan belum mempunyai agama maka mereka mengangkat adat kepercayaan ini menjadi agama mereka sebelum kedatangan agama Kristian. Seperti mana-mana agama yang lain, Bungan juga mempunyai hari perayaannya yang tersendiri iaitu Do Ledoh. Jika di terjemahkan secara langsung Do bermaksud Hari, Ledoh bermaksud Wanita atau Perempuan. Hari perayaan ini juga dinamakan sempena nama dewi Bungan Semalan iaitu Doh Tenangan. Selain itu, Do Ledoh juga membawa maksud perayaan akhir tahun atau cukup tahun, dalam bahasa Kayan ‘Do Lebo Duman’. Dengan kata lain, ia merupakan sebuah perayaan selesai menuai padi dan bersedia untuk menerima padi yang baru. Perayaan Do Ledoh ini disambut pada 30 Mei sehingga 1 Jun setiap tahun. Namun ia juga bergantung dengan penetapan hari ritual Ngayo oleh Guru Bungan. Hal ini kerana, dalam perayaan adat agama Bungan ini, ritual Ngayo merupakan sebuah ritual utama yang perlu dipersembahkan kerana ia merupakan tanda penutup untuk perayaan adat agama Bungan tersebut (Jawing Bato, 2022). Ritual Ngayo ini bertindak sebagai pembasmi dan pembuang sial setiap penduduk di kampung tersebut dan menjadi penutup untuk mereka sebelum memulakan padi yang baru. Maka, dari pernyataan berkaitan dengan upacara adat agama Bungan ini sahaja, jelas menunjukkan bahawa Guru Bungan memainkan peranan penting dalam perlaksanaan upacara agama Bungan ini.

PERANAN GURU BUNGAN BERDASARKAN TURUTAN PERSEDIAAN RITUAL NGAYO

Peranan Guru Bungan merupakan aspek yang mendapat perhatian pengkaji sewaktu menjalankan kajian berkaitan dengan agama tradisional masyarakat Kayan ini. Hal ini kerana, terdapat beberapa perkara yang menjadi persoalan dalam pengkaji sewaktu membuat kajian iaitu peranan Guru Bungan dalam mengendalikan agama Bungan ini dan apakah yang dilakukan oleh Guru Bungan sewaktu upacara ritual Ngayo dalam agama Bungan ini. Guru Bungan yang akan memutuskan tarikh mereka menjalankan ritual Ngayo, Guru Bungan yang akan menentukan tarikh-tarikh untuk mereka membuat persedian hari perayaan Do Ledoh dan bila mereka mula menyambut perayaan Do Ledoh (Gumeh Luhat, 2022). Seorang pemimpin agama akan sentiasa mendapat perhatian dalam apa jua yang dilakukan oleh mereka, malah mereka sendiri sedar akan perkara tersebut (Jens Kreinath et al., 2006). Oleh yang demikian, peranan Guru Bungan ini dan identiti seorang Guru Bungan dalam mengetuai agama Bungan ini dapat dilihat secara jelas dalam aliran persempahan ritual Ngayo.



Rajah 3: Struktur persempahan ritual Ngayo

Berdasarkan Rajah 3, pada hari ritual Ngayo dijalankan, perkara pertama yang dilakukan oleh Guru Bungan adalah ‘Meju Dahok’, Guru Bungan akan mengangkat telur ke langit dan memulakan doa sebagai pembuka bicara untuk menyampaikan pesanan kepada Doh Tenangan, dewi Bungan bahawa mereka akan memulakan upacara ritual Ngayo pada hari tersebut dan meminta agar Doh Tenangan berkenan akan segala persiapan dan persempahan mereka kepada Doh Tenangan pada hari tersebut seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4. Guru Bungan mempersembahkan tuak iaitu arak yang dibuat menggunakan beras kepada Doh Tenangan sebagai minuman untuk mengajak semangat Bungan bersama mereka sepanjang ritual tersebut.



Rajah 4: Guru Bungan memberi minuman kepada Doh Tenangan. (Emalisa Telun Domian, 2022)

Sewaktu Guru Bungan mengangkat telur untuk menyampaikan pesanan kepada Doh Tenangan, Guru Bungan menyampaikan pesanan kepada para lelaki di setiap rumah untuk membuat persediaan mengikuti ritual ini. Mereka akan menyiapkan pakaian mereka di luar dan juga menganyam Daun Sang iaitu Daun Kurma seperti yang digambarkan di Rajah 4. Daun ini telah dicari sehari sebelum upacara ritual Ngayo untuk dibawa sekali sepanjang pelaksanaan ritual tersebut.



Rajah 5: Para lelaki sedang menganyam Daun Sang. (Emalisa Telun Domian, 2022)

Setelah selesai menyiapkan segala persiapan untuk dibawa bersama ritual Ngayo ini, para lelaki akan berkumpul beramai-ramai dengan siap berpakaian lengkap dengan Lavong Tepo (topi), Lavong Bulok (topi yang ada bulu), Bah (Seluar), Basung Inu (baju ukiran manik) dan Sunong seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6 di bawah untuk mulakan upacara ritual Ngayo di ruai Maren Uma yang turut merupakan Guru Bungan untuk proses penurunan ‘kepala kayo’. Sewaktu proses penurunan ‘kepala kayo’ seperti di Rajah 6, mereka semua akan bertempik dan membuat bising seolah bersedia untuk turun berperang. Manakala para wanita atau warga yang tinggal di rumah akan memainkan alat musik.



Rajah 6: Guru Bungan menurunkan ‘kepala kayo’ dari tempatnya (Emalisa Telun Domian, 2022)



Rajah 7: Contoh pakaian lengkap untuk ritual Ngayo. (Emalisa Telun Domian, 2022)

Setelah Guru Bungan menurunkan ‘kepala kayo’ atau dipanggil sebagai ‘kuhong’ untuk dibawa sepanjang ritual ini, mereka akan berkumpul di sekeliling kepala tersebut sementara Guru Bungan memberi minuman tuak kepada tengkorak tersebut sambil menyampaikan pesanan bahawa mereka akan membawa ia bersama-sama mereka bersuka ria pada hari tersebut. Kaum wanita dilarang untuk mendekati sewaktu proses ini bagi mengelakkan sial (Jawing Bato, 2022). Selain itu, Guru Bungan akan meminta Jawing Bato, warga tua kampung yang tahu mengalunkan Parap untuk meraikan ‘kuhong’ tersebut bagi menyenangkan roh atau semangat yang masih ada pada ‘kuhong’ tersebut seperti yang ditunjuk pada Rajah 8. ‘Kuhong’ tersebut merupakan tengkorak musuh yang dipenggal pada suatu ketika dahulu lalu disimpan dan dijadikan sebagai pengaruh atau pelindung kepada kampung tersebut (Lato Juman, 2022). Hal ini kerana, selepas Bungan dibentuk semula, mereka masyarakat Kayan bersepakat untuk tidak lagi membuat aktiviti memenggal kepala dan hanya menggunakan tengkorak yang sudah sedia ada untuk upacara ritual mereka (Rousseau, 1974).



Rajah 8: Guru Bungan memberi tuak kepada ‘kepala kayo’. (Emalisa Telun Domian, 2022)

Setelah selesai mengambil ‘kuhong’ turun dari tempatnya, Guru Bungan akan memberi arahan yang seterusnya untuk semua kaum lelaki turun ke tebing sungai yang berdekatan dengan kampung mereka iaitu Sungai Rejang. Selepas mendapat arahan daripada Guru Bungan, semua kaum lelaki kampung Long Amo membawa segala keperluan mereka turun ke tebing sungai. Manakala ‘kuhong’ tersebut akan dibawa oleh individu yang diamanatkan oleh Guru Bungan sahaja kerana mereka percaya bahawa kepala tersebut masih mempunyai semangat dan tidak boleh dibuat sesuka hati sahaja. Berikut merupakan senarai keperluan yang dibawa bersama kaum lelaki untuk turun ke tebing. Jadual 1 menunjukkan senarai keperluan yang dibawa bersama mereka semasa bergerak turun ke tebing sungai.

Jadual 1: Senarai barang keperluan yang dibawa sekali turun ke tebing

Bil	Barang Keperluan
1	Parang
2	Senapang
3	<i>Daun Sang</i>
4	Nasi yang dibungkus dalam daun
5	Air Tuak
6	Telur
7	Ayam

Sesampai di tebing sungai, mereka berkumpul dan mendirikan satu pondok sementara yang dipanggil sebagai ‘keminih’ untuk ‘kuhong’ berehat. ‘Keminih’ ini diperbuat daripada dahan pisang atau ranting-ranting kayu yang terdapat di situ. Pondok ini juga merupakan satu simbol kepada pondok sementara kepada para pejuang pemenggal kepala yang dipanggil sebagai ‘lepo ayo’ berehat sementara menunggu musuh (Lato Juman, 2022). Selesai mereka membina ‘keminih’ tersebut, Guru Bungan akan mengangkat telur lagi dan memberitahu Doh Tenangan bahawa mereka membawa ‘kuhong’ turun bersama pergi ‘berperang’. Selesai menyampaikan pesan kepada Doh Tenangan, Guru Bungan mula mengikat Daun Sang yang dibawa ke pergelangan tangan semua lelaki yang mengikuti turun ke tebing. Kemudian, mereka mula membuat api seolah-olah persediaan untuk masak nasi, kemudian mereka makan nasi dan minum tuak yang dibawa beramai-ramai. Selesai makan nasi yang dibawa, Guru Bungan mula membakar ‘keminih’ seperti di dalam Rajah 9 di bawah, sebagai tanda mereka telah selesai berperang dan bersedia untuk pulang ke kampung. Kemudian, Guru Bungan mengambil seekor ayam yang dibawa, Guru Bungan meletakkannya atas satu kayu yang dipacak atas tanah yang dipanggil ‘tapok’, kemudian memotong kepala ayam tersebut seolah-olah memotong kepala musuh. Seterusnya, setiap kaum lelaki yang berada di tebing tersebut akan memegang ayam itu sebelum naik ke kampung dan sebelum naik ke rumah, Guru Bungan memberi pesan kepada semua mereka akan pantang larang dan cara mereka naik kembali ke rumah. Hal ini kerana, apabila mereka pulang ke rumah, mereka tidak dibenarkan masuk ke dalam rumah dan hanya duduk di ruai sahaja bagi mengelakkan membawa sial atau bala sewaktu berperang pulang ke rumah.



Rajah 9: Guru Bungan membakar ‘lepo ayo’. (Emalisa Telun Domian, 2022)

Apabila kembali di kampung, mereka mula membuat tarian Ujet Bato iaitu tarian kemenangan pulang dari perang mengelilingi ruai kampung sebanyak lapan kali. Tarian ini dibuat dua kali iaitu petang dan malam. Semasa tarian ini, para wanita dan warga yang tidak mengikut turun ke tebing akan memainkan alat muzik seperti Gong dan Tawak dengan diiringi alunan Sape. Kemudian, individu yang memegang dan diamanatkan untuk membawa ‘kuhong’ akan berada di hadapan barisan sebagai ketua tarian

tersebut. Setelah selesai melakukan lapan pusingan untuk sesi pertama tarian Ujet Bato ini, mereka akan berehat di ruai dan menyediakan tempat untuk memasak. Semasa mereka duduk berehat di ruai, mereka memasak ayam yang telah dikorbankan sewaktu upacara ritual Ngayo tersebut di ruai rumah masing-masing. Semasa sesi selingan, Guru Bungan melawat setiap bilik untuk mendoakan kesejahteraan keluarga dalam rumah tersebut. Setelah selesai, barulah mereka makan beramai-ramai di ruai kampung. Selesai makan, Guru Bungan akan memanggil setiap penduduk kampung yang ingin diberkati menggunakan Sang Kayo untuk ‘naping’ yang bermaksud melibas, menepis atau membuang nasib buruk seorang individu. Setelah itu, para lelaki meneruskan lagi sesi kedua tarian Ujet Bato dan setelah selesai membuat pusingan tarian Ujet Bato tersebut, mereka semua berkumpul lagi di ruai utama untuk meraikan ‘kuhong’ yang telah dibawa berami sepanjang hari bersama mereka. Mereka mengalunkan Parap sekali lagi dan Guru Bungan memberi minuman tuak kepada ‘kuhong’ sebagai tanda bahawa mereka akan menghantarnya pulang ke tempatnya seperti di Rajah 10 dan meminta agar dia terus menjaga penduduk kampung Long Amo itu tidak kira di mana mereka berada dan menjaga kampung Long Amo dari segala jenis malapetaka. Setelah menghantar ‘kuhong’ kembali ke tempatnya, maka selesailah upacara persembahan ritual Ngayo untuk hari tersebut. Dengan itu, mereka sudah bersedia untuk beranjak ke fasa yang baru dimana mereka bersedia untuk menanam dan menerima semangat padi yang baru.



Rajah 10: Sesi menghantar ‘kuhong’ kembali ke tempatnya. (Emalisa Telun Domian, 2022)

Selepas semua proses untuk ritual Ngayo telah dilaksanakan, keesokan harinya semua penduduk kampung pergi ‘kuman bahek’ iaitu makan beramai-ramai di tebing ungai dengan kata lainnya piknik beramai-ramai. Mereka memanggil proses ini sebagai ‘pusang’. Semua penduduk kampung akan membawa saki baki makanan mereka sepanjang hari perayaan seperti kuih muih, selupi (nasi yang dibungkus dalam daun), selukong (sama macam ketupat), air manis dan tuak untuk dimakan bersama-sama. Sebelum mereka mulakan aktiviti mandi manda dan panggang memanggang, beberapa orang lelaki akan mengikat semua Daun Sang yang dibawa bersama mereka sepanjang ritual Ngayo hari sebelumnya menjadi satu ikatan yang ungai. Kemudian ikatan Daun Sang ini akan diikat merentangi sungai tempat mereka berpiknik. Setelah itu, Guru Bungan akan menjalankan tugasnya yang terakhir untuk upacara itu dengan mengangkat segelas tuak dan menyampaikan doa juga pesanan kepada Doh Tenangan seperti ditunjukkan pada Rajah 11, mereka telah selesai meraikan hari perayaannya dan selesai melakukan persembahan ritual Ngayo, kini mereka bersedia untuk pergi ke fasa seterusnya kemudian meminta agar Doh Tenangan sentiasa memberkati mereka dalam apa jua perkara mereka lakukan. Selepas selesai menyampaikan doa, Guru Bungan mencurahkan air tuak tersebut ke tanah dan ungai sebagai tanda dia memberi minum kepada semangat yang ada disitu. Selepas itu, barulah mereka memulakan aktiviti bersuka ria mereka.



Rajah 11: Guru Bungan menyampaikan pesanan ‘pusang’. (Emalisa Telun Domian, 2022)

Selesainya aktiviti ‘pusang’ tersebut, maka upacara perayaan Do Ledoh sudah berakhir. Hal ini kerana, upacara ‘pusang’ adalah proses terakhir dalam ritual upacara agama Bungan. Ini juga sebagai tanda bahawa mereka telah selesai bersusah payah sepanjang tahun ini menanam padi, kini mereka boleh berehat seketika sebelum memulakan dengan padi baru lagi. Sehubungan dengan itu, peranan Guru Bungan dapat dilihat dengan jelas sepanjang hari perayaan Do Ledoh dan sewaktu proses pelaksanaan upacara persesembahan ritual Ngayo sewaktu hari perayaan tersebut. Jadual 2 di bawah menunjukkan ringkasan peranan Guru Bungan sewaktu perlaksanaan upacara persesembahan ritual Ngayo tersebut.

Jadual 2: Ringkasan peranan Guru Bungan sepanjang perlaksanaan upacara persesembahan ritual Ngayo

Pecahan Tugasan (Action)	Peranan Guru Bungan (Action Taken)
Meju Dahok (Menyampaikan doa)	<ul style="list-style-type: none"> - Menyampaikan doa dan pesanan kepada <i>Doh Tenangan</i> akan perancangan mereka pada hari tersebut iaitu melaksanakan ritual <i>Ngayo</i> sempena perayaan <i>Do Ledoh</i>.
Penurunan ‘kuhong’/ kepala kayo	<ul style="list-style-type: none"> - Memberitahu ‘kuhong’ bawah mereka akan menurunkannya daripada tempatnya. - Mengarahkan seseorang untuk mengetuai <i>Parap</i> kemudian memberi minuman tuak kepada ‘kuhong’
Turun ke tebing sungai.	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi arahan untuk bergerak ke tebing sungai dan mengingatkan kaum lelaki yang ikut akan barang yang perlu dibawa sekali.
Berkumpul di tebing sungai	<ul style="list-style-type: none"> - Mengarahkan kaum lelaki yang ikut untuk mengumpul ranting atau dahan pisang untuk dijadikan sebagai pondok sementara, ‘<i>keminih</i>’. - Menyampaikan doa kepada <i>Doh Tenangan</i> bahawa mereka sudah bersedia untuk berperang. - Mengarahkan untuk membakar ranting kemudian makan nasi yang dibawa. - Menyampaikan doa lagi bahawa mereka akan pergi berperang. Kemudian, bakar ‘<i>keminih</i>’ yang dibina tadi. - Sembelih ayam dan menyampaikan pesan akan pantang larang sewaktu ritual <i>Ngayo</i> tersebut. - Memberi tanggungjawab kepada individu yang akan membawa ‘kuhong’ sepanjang tarian <i>Ujet Bato</i>.
Tarian <i>Ujet Bato</i> Pertama	<ul style="list-style-type: none"> - Membuat persediaan untuk menyembelih ayam selepas selesai membuat pusingan sebanyak 8 kali.
Selingan sebelum tarian <i>Ujet Bato</i> kedua	<ul style="list-style-type: none"> - Menyembelih ayam yang dibawa oleh para lelaki yang mengikuti <i>Ngayo</i> tadi.

Tarian *Ujet Bato* kedua
Selesai tarian *Ujet Bato*

Pusang

- Membuat sesi '*naping*' atau '*Mela*' yang bermaksud menyucikan semangat roh setiap penduduk kampung.
 - Mengikuti tarian
 - Menyampaikan doa dan pesanan kepada semangat '*kuhong*' untuk menjaga kampung dan penduduknya.
 - Bagi minum *tuak* kepada '*kuhong*' dan menyimpannya kembali ke tempatnya.
 - Memberi arahan untuk mengikat *Daun Sang* merentasi sungai.
 - Menyampaikan doa penutup kepada *Doh Tenangan*.
 - Beri minum kepada semangat tanah dan sungai disitu.
-

Berdasarkan ringkasan tersebut, Guru Bungan memainkan peranan yang besar dalam adat agama Bungan ini. Guru Bungan sudah mula memikul tanggungjawab dari awal hari perayaan Do Ledoh. Hal ini kerana, Guru Bungan yang akan memberitahu tarikh-tarikh penting sebelum mereka meraikan hari perayaan Do Ledoh tersebut dan apa yang perlu mereka lakukan. Selain itu, individu ini juga akan memberi arahan dan tanggungjawab kepada penduduk yang lain dalam mencari dan menyediakan barang yang akan digunakan sepanjang hari perayaan ini. Selain itu, Guru Bungan juga mengambil maklum siapa penduduk yang tidak dapat mengikuti upacara adat mereka agar mereka tidak terlepas dari mendapat berkat daripada *Doh Tenangan* walau dimana mereka berada. Guru Bungan yang bertanggungjawab memberi tarikh dan siapa yang akan mengetuai proses melipat nasi dalam daun dan bila mereka perlu keluar mencari daun tersebut (Gumeh Luhat, 2022). Guru Bungan menggalas tanggungjawab penting dalam memastikan kelancaran dan perayaan Do Ledoh ini disambut meriah oleh semua penduduk.

KESIMPULAN

Peranan Guru Bungan ini memberikan satu gambaran dominasi kuasa dalam menjalankan upacara ritual Ngayo tersebut. Walaupun kedudukan Guru Bungan pada masa kini mula goyah sejak kemunculan agama Kristian di kampung tersebut namun mereka tetap menjalankan tanggungjawab mereka demi beberapa penganut yang masih ada dan juga agar adat tradisi ini tidak dilupakan. Berdasarkan proses-proses tersebut, dapat dilihat dengan jelas akan kepentingan seorang individu yang memegang watak sebagai Guru Bungan dalam adat agama Bungan ini terutamanya dalam perlaksanaan upacara adat agama tersebut. Malah, tugas Guru Bungan ini bukan sahaja dilihat sebagai ketua agama tetapi turut menggambarkan dedikasi seorang ketua atau penerus agama tradisi, simbol status sosial di kalangan penduduk dan alat komunikasi terutamanya ketika ingin berhubung dengan alam metafizik. Oleh yang demikian, gelaran Guru Bungan ini selayaknya dipandang sebagai satu tugas yang mulia dan tidak boleh diberi kepada sesiapa sahaja. Hal ini kerana, sekiranya individu itu tidak memahami dan mendalami tugas seorang Guru Bungan dengan betul maka rosaklah satu tradisi agama tersebut.

PENGHARGAAN

Artikel ini disempurnakan dengan bantuan daripada penduduk Kampung Long Amo dengan semangat agar tradisi mereka dapat dikekalkan dalam bentuk penulisan dan dapat dikongsi dengan orang luar. Tanpa bantuan dan kerjasama mereka, artikel yang bertajuk "Peranan Guru Bungan Dalam Persembahan Ritual Ngayo" ini tidak dapat dijalankan.

RUJUKAN

- Borneo, B. P. (2017, June 12). *Reviving the forgotten Kayan celebration of Do Ledoh*. Borneo Post Online.
- Domian Ding. (2022). Pemahaman adat agama *Bungan* dan Peranan *Guru Bungan* dalam adat agama *Bungan* masyarakat Kayan, Long Amo, Belaga, Sarawak. Temu Bual, 9 Jun.
- Gumeh Luhat. (2022). Pemahaman adat agama *Bungan* dan peranan *Guru Bungan* kepada penduduk kampung Long Amo, Belaga, Sarawak. Temu Bual, 9 Jun.
- Jawing Bato. (2022). Pemahaman adat agama *Bungan* dan peranan *Guru Bungan* dalam adat agama *Bungan* di kampung Long Amo, Belaga, Sarawak. Temu Bual. 30 Mei.
- Jens Kreinath, Snoek, M., & Stausberg, M. (2006). *Theorizing Rituals: Issues, topics, approaches, concepts*. Brill Academic Publisher.
- Lato Juman. (2022). Latar belakang adat agama *Bungan* di Long Amo dan peranan *Guru Bungan* dalam adat agama *Bungan* di Long Amo, Belaga, Sarawak. Temu Bual. 30 Mei.
- Laeng, J. (2019, August 11). *A memorable Kayan experience*. Borneo Post Online.
- Lake' Baling. (2002). *The Old Kayan Religion and the Bungan Religious Reform*. Unit Penerbitan Universiti Malaysia Sarawak.
- Langub, J. (2020). Masyarakat Melayu di Belaga: Sejarah, Perdagangan, Penempatan dan Adaptasi. *Journal of Borneo-Kalimantan*, 6(1).
- Rousseau, J. (1974). *The Social Organization of the Baluy Kayan* [Ph.D Dissertation].
- Rousseau, J. (1989, December). *Central Borneo: Ethnic identity and social life in a stratified society*. Google.com. <https://play.google.com/store/books/details?id=HjZ9EAAAQBAJ>
- Rousseau, J. (1990). *Central Borneo: ethnic identity and social life in a stratified society*. Clarendon Press; New York.
- Rousseau, J. (1999). *Kayan Religion. Ritual Life and Religious Reform in Central Borneo*. Brill Academic Pub.
- Ugih Echoh, D., Abdul Gapor, S., & Abdul Rahman, H. F. (2020). Fungsi Upacara Miring Dalam Proses Pemuliharaan Kubu di Wilayah Tengah Sarawak. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 6(1), 148–162.
- Uyo, L. J. (1989). Kayan people of Sarawak. *Sarawak Museum Journal*, 40(61), 57–87.
- Wan, R., Renganathan, S., & Kral, I. (2018). Tekná – a vanishing oral tradition among the Kayan people of Sarawak, Malaysian Borneo. *Indonesia and the Malay World*, 46(135), 218–234.
- Wan, R., Renganathan, S., & Philip, B. (2015). *What Is the Point of Us Talking? Ethnic Language and Ethnic Identity in Northern Borneo, Malaysia*. *Humanities and Social Sciences Review*. 4109-120.
- White, E. (1956). Bungan: A New Kayan Belief. *The Sarawak Museum Journal*, Vol. VII (23), 470–475.